

## Selangor umum pengecualian denda cukai petak

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) telah memutuskan untuk mengecualikan denda bayaran cukai petak yang dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan bermula 1 Jun lalu hingga 31 Ogos depan.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, langkah tersebut merupakan satu insentif dan hadiah hari raya kepada semua rakyat di negeri itu yang memiliki hak milik strata.

Beliau berkata, langkah itu juga adalah bagi menggalakkan pembayaran cukai petak demi kelangsungan pembangunan negeri yang lebih holistik selaras dengan agenda Selangor Maju Bersama.

“Oleh itu rakyat di negeri ini khususnya pemilik berstrata digesa untuk merebut peluang ini bagi mengelakkan daripada dikenakan fi denda lewat,”

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pada 1 Jun 2018 lalu, Selangor telah menjadi negeri pertama menjalankan kutipan cukai petak bagi skim pembangunan berstrata di negeri itu.

Beliau berkata, pelaksanaan cukai petak bagi skim pembangunan berstrata bertujuan membantu rakyat Selangor menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pemilik hartanah berstatus strata dengan Perbadanan Pengurusan (MC) yang melibatkan urusan cukai.

“Ini lebih memudahkan pemilik petak untuk melakukakan sebarang urusan jual beli bagi hartanah berskim strata di samping mewujudkan akses langsung antara pemilik hartanah membayar cukai secara terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTG),” katanya.